

Mahathir tidak berdaya penuhi kehendak semua pihak

UM 16 JUL 1984

SEJAK Kementerian Kewangan dipcgang oleh Menteri UMNO, bermula dari Tun Hussein Onn (1975), telah dua kali kementerian itu mencrima muka baru yang tidak mendapat latihan asas dalam kabinet terlebih dahulu. Pertama kali ialah pada 1976 di mana Tun Razak sebagai Perdana Menteri ketika itu meletakkan Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra, Tengku Razaleigh Hamzah. Kali kedua ialah Sabtu lalu apabila Datuk Sri Dr. Mahathir memasukkan Encik Daim Zainuddin dalam kabinetnya sebagai Menteri Kewangan baru.

Tengku Razaleigh tidak pernah menyandang jawatan Setiausaha Parlimen atau timbalan menteri atau pun menteri di kementerian - kementerian yang kurang kanan, sebelum beliau menjadi Menteri Kewangan. Dari Bank Bumiputra, beliau terus ke Kementerian Kewangan sebagai menteri penuh.

Berbanding dengan Encik Daim, Tengku Razaleigh sekurang - kurang telah dikenali ramai sebagai tokoh muda yang sedang meningkat naik dari Kelantan kerana beliau aktif dalam UMNO. Sebagai pengerusi eksekutif bank yang lahir

dari kehendak orang - orang Melayu dan melalui tekanan politik UMNO, Tengku Razaleigh sudah dikenali.

Mendadak

Tetapi Encik Daim yang lebih gemar sembunyi dari selayan selama 8 tahun Tengku Razaleigh berkhidmat sebagai Menteri Kewangan, memang tidak diduga oleh beliau telah membuktikan kebolehannya yang tidak dapat ditolak begitu saja. Para pemerhati politik mehan, tetapi kerana tidak berasakan keputusan menge-nyak yang diperkatakan kalkan beliau dalam kabinet orang tentangnya, kecuali adalah satu langkah yang sejak akhir - akhir ini sahaja. baik.

Kemunculan beliau se-ini ialah kerana beliau cara mendadak menduduki seorang yang dikenali di pejawatan penting itu telah ringkas antarabangsa, ter-menggunakan nama beliau se-tama di kalangan institusi kewangan antarabangsa, se-luar kalangan perniagaan fain dari mempunyai penga-dangan kewangan, masih ramai ruh di kalangan ahli - ahli yang bertanya - tanya, "sia-pa Daim?"

Di kalangan ahli - ahli perniagaan, beliau dikenali sebagai tokoh perniagaan yang cekap. Pembelian bank ketiga terbesar, UMBC beberapa hari sebelum ini oleh syarikat miliknya adalah bukti kepada kenya-taan ini.

Manakala di kalangan ahli - ahli UMNO mereka mengenah beliau sebagai setengah pemerhati politik jawatan yang menjadi wakil rakyat Kuala Muda, seorang yang simple di segi pakaian, tidak menurunkan kuasa bercapal, seluar dengan kemeja yang sama sekali tidak membayangkan harta yang dimilikinya. Mereka juga

rakan baik Datuk Sri Dr. Mahathir.

Di sebalik penonjolan nama secara mendadak ini, ada pihak yang mengatakan beliau adalah 'reluctant politician.' Beliau tidak pernah mahu bersusah payah menjadi ahli politik atau menteri.

Tetapi sumber - sumber yang rapat dengannya mengatakan, beliau menerima jawatan tersebut adalah sebagai memenuhi permintaan Datuk Sri Dr. Mahathir. Mereka berkata, tidak akan timbul soal Encik Daim akan terlibat dalam perebutan kuasa atau perlumbaan untuk menjadi

Timbalan Perdana Menteri. Termasuk Encik Daim, menurut para pemerhati politik ialah ekoran dari khalan kali kedua Tengku Razaleigh Hamzah bagi merebut jawatan Timbalan

Presidenn UMNO Mei lalu. Selama 8 tahun Tengku Razaleigh berkhidmat sebagai Menteri Kewangan, memang tidak diduga oleh beliau telah membuktikan kebolehannya yang tidak dapat ditolak begitu saja. Para pemerhati politik mehan, tetapi kerana tidak berasakan keputusan menge-nyak yang diperkatakan kalkan beliau dalam kabinet orang tentangnya, kecuali adalah satu langkah yang sejak akhir - akhir ini sahaja. baik.

Ini ialah kerana beliau seorang yang dikenali di peringkat antarabangsa, ter-menggunakan nama beliau se-tama di kalangan institusi kewangan antarabangsa, se-luar kalangan perniagaan fain dari mempunyai penga-dangan kewangan, masih ramai ruh di kalangan ahli - ahli perniagaan dan kewangan tempatan.

Pengalamannya di rasakan masih diperlukan dalam keadaan ekonomi negara yang mengalami kemelesetan berterusan dan tidak diketahui bila sebenarnya akan benar - benar pulih. Ini lebih - lebih lagi apabila pihanraya umum dijangka akan diadakan akhir tahun depan atau Pun pada 1986.

Namun begitu, kalangan pemerhati politik merasakan jawatan baru yang menjadi wakil rakyat Kuala Muda, seorang yang simple di segi pakaian, tidak menurunkan kuasa bercapal, seluar dengan kemeja yang sama sekali tidak membayangkan harta yang dimilikinya. Mereka juga

Dalam Kementerian Perdana Menteri dan Perindustrian ini, kata mereka, Tengku Razaleigh akan mempunyai banyak peluang membantu orang - orangnya terutama di bidang pemberian lesen dan sebagainya.

Tetapi dalam rombongan kabinet Sabtu lalu ternyata Datuk Sri Dr. Mahathir tidak berdaya memenuhi kehendak semua pihak dalam masa beliau sebenarnya cuba berbuat demikian. Seorang itu tidak mungkin mendapati kesemua yang di-hajatinya.

Seorang lagi yang nama-

nya mknjadi sebutan ketika ini ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, pemimpin yang juga tidak suka publisiti, lemah lembut, tenang dan dikenali sebagai seorang yang jujur dan dedikasi.

Kemenangan beliau menduduki tempat kedua sebagai Naib Presiden UMNO Mei lalu merupakan titik peralihan penting dalam kerjayanya sebagai ahli politik. Ramai pemerhati politik merasakan, kemenangan itulah yang membawa beliau menduduki jawatan penting dalam politik Malaysia, Menteri Pelajaran.

Spekulasi

Berbanding dengan negara - negara lain, di Malaysia, Kementerian Pelajaran adalah sebuah kementerian yang membayangkan banyak spekulasi mengenai masa depan pemimpin UMNO yang mendudukinya, sungguh pun terdapat Menteri Pelajaran UMNO yang hanya bersara sebagai menteri biasa saja.

Namun, hakikat di mana keempat - empat Timbalan Perdana Menteri - Allahyarham Tun Razak, Tun Hubein Onn, Dr. Mahathir dan Datuk Maysa Hitam, kesemuanya pernah melalui Kementerian Pelajaran, maka kementerian ini kerap kali dianggap sebagai medan latihan bagi calon Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri.

Sungguhpun telah berlaku perubahan yang ketara dalam UMNO sejak 10 tahun lalu di mana pengaruh guru dalam UMNO semakin berkurangan, sementara pengaruh golongan peniaga semakin meningkat dalam menentukan siapa pemimpin, tetapi hingga kini Kementerian Pelajaran tetap merupakan kementerian yang sangat penting.

Kementerian Pelajaran tetap merupakan nadi kepada kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Di situ lah datangnya dasar melahirkan anak - anak Melayu yang berpelajaran tinggi untuk berlumba dengan kaum lain - lain termasuk di segi pembahagian kekayaan negara ini.

Sebagai seorang pemimpin yang pernah memimpin pertubuhan pelajar termasuk Gabungan Pelajar Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), seorang yang mempunyai pengalaman luas sebagai birokrat, seorang yang dilatih terus di bawah Datuk Sri Dr. Mahathir yang tahu kehendak Perdana Menteri, Datuk Abdullah dirasakan paling sesuai memimpin kementerian penting itu.